



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

24 SEPTEMBER 2025 (SELASA)

PPM Rampas Produk Sejuk Beku Tanpa Lesen

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Nabalu News	Post	Online	23 Sept



Pasukan Gerakan Am (PGA) menumpaskan cubaan menyeludup 100 ekor kambing jenis Boer dari Thailand menerusi Op Bersepadu Khazanah di Gerik, semalam. Foto PGA Briged Utara (FB)

BEAUFORT: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah berjaya merampas 232 kotak produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen.

Semua bahan makanan berkenaan dirampas dalam serbuan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar di sebuah rumah di Jalan Tokong Cina, di sini, pada jam 2 petang, semalam.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata,

serbuan dijalankan hasil maklumat yang diterima daripada orang awam.

Katanya, berdasarkan maklumat diterima, rumah berkenaan dijadikan tempat penyimpanan produk sejuk beku tanpa lesen.

"Hasil serbuan berjaya merampas 232 kotak produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai

RM132,905. Semua barangan dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, semua bahan makanan sejuk beku berkenaan disita untuk membantu siasatan lanjut mengikut Enakmen Haiwan 2015.

Sementara itu, Nazri berkata, pihaknya sentiasa mengalukan maklumat dan kerjasama daripada seluruh komuniti orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang negara.

"PPM akan terus komited dalam membanteras jenayah penyeludupan demi keselamatan dan kesejahteraan negara," katanya.-[NABALUNews](#)

Sebanyak 232 Kotak Produk Sejuk Beku Tanpa Lesen dirampas di Sabah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	23 Sept



Sebanyak 232 kotak produk sejuk beku pelbagai jenama dirampas PPM dalam operasi di sebuah rumah di Jalan Tokong Cina, Beaufort – FOTO: Ihsan PPM

KUALA LUMPUR – Sejumlah 232 kotak produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen dirampas Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah di kawasan Jalan Tokong Cina, di Beaufort, Sabah semalam.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, serbuan yang dilakukan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kira-kira 2 petang itu dijalankan hasil maklumat orang awam.

“Maklumat membawa kepada serbuan sebuah rumah yang dipercayai menjalankan penyimpanan produk sejuk beku tanpa lesen.

“Serbuan membawa kepada rampasan berjumlah RM132,905 dengan kes disiasat di bawah Enakmen Haiwan 2015,” katanya dalam kenyataan.

Jelas beliau, pihaknya sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang awam bagi menyalurkan maklumat aktiviti yang melanggar

undang-undang serta
komited membanteras
jenayah penyeludupan demi
keselamatan dan
kesejahteraan negara. –
[MALAYSIAGAZETTE](#)

232 Kotak Produk Sejuk Beku Bernilai RM132,905 dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	23 Sept



Sebanyak 232 kotak produk sejuk beku pelbagai jenama dirampas PPM dalam operasi di sebuah rumah di Jalan Tokong Cina, Beaufort – FOTO: Ihsan PPM

BEAUFORT: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) merampas 232 kotak produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen dalam operasi di sebuah rumah di Jalan Tokong Cina, di sini, semalam.

Dalam serbuan jam 2 petang itu, nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM132,905.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner

Nazri Ibrahim berkata, serbuan dijalankan selepas menerima maklumat awam.

Katanya, maklumat mendakwa rumah terbabit dijadikan tempat penyimpanan produk sejuk beku tanpa lesen.

“Keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM132,905. Semua barangan dirampas untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Enakmen Haiwan

2015.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa mengalu-alukan maklumat dan kerjasama orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang negara.

“PPM akan terus komited dalam membanteras jenayah penyeludupan demi keselamatan dan kesejahteraan negara,” katanya.-[BULETINTV3](#)

RM132,000 Produk Sejuk Beku Tanpa Lesen dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
SNT	Jenayah	Online	23 Sept



BEAUFORT: Helah menyimpan ratusan kotak produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen terbongkar apabila Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah menyerbu sebuah rumah di Jalan Tokong Cina, di sini.

Dalam operasi jam 2 petang bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu, pihak berkuasa menemui 232 kotak sejuk beku bernilai lebih RM132,000.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, ACP Nazri Ibrahim berkata, semua barangan

berkenaan dirampas untuk tindakan lanjut mengikut Enakmen Haiwan 2015.

“PPM mengalu-alukan maklumat awam bagi mengekang kegiatan penyeludupan. Kami kekal komited memastikan keselamatan serta kesejahteraan negara,” katanya.-[SABAHNEWSTODAY](#)

PPM Rampas Produk Sejuk Beku Tanpa Lesen Bernilai RM132,905 di Beaufort

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sabah	Online	23 Sept



RAMPAS: Rampasan produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen bernilai lebih RM132,000.

BEAUFORT: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah merampas produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen bernilai lebih RM132,000 dalam satu operasi bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar di sebuah rumah di Jalan Tokong Cina di sini.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, serbuan kira-kira jam 2 petang itu dijalankan hasil maklumat awam mengenai kegiatan penyimpanan produk sejuk beku tanpa

lesen di premis terbabit.

“Hasil pemeriksaan menemukan sebanyak 232 kotak produk sejuk beku pelbagai jenama tanpa lesen dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM132,905.

“Semua barangan terbabit dirampas untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Enakmen Haiwan 2015,” katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Nazri menegaskan pihaknya mengalu-alukan maklumat

daripada orang awam untuk membantu pihak berkuasa mengesan aktiviti penyeludupan dan pelanggaran undang-undang.

“PPM sentiasa komited dalam membanteras jenayah penyeludupan demi keselamatan dan kesejahteraan negara,” katanya.-[UTUSANBORNEO](#)

Pelepasan Najis dari Ladang Ternakan disyaki Punca Lebih 1 Tan Ikan Sungai Mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	23 Sept



Antara ikan ditemukan mati disyaki akibat pelepasan najis ladang ternakan ayam di Sungai Bekok. – FOTO NSTP

BATU PAHAT: Lebih satu tan ikan air tawar pelbagai spesis ditemukan mati di Sungai Bekok, dekat Yong Peng, dipercayai mempunyai kaitan dengan pelepasan sisa najis dari ladang ternakan berhampiran.

Berdasarkan tinjauan, antara spesis ikan ditemukan mati membabitkan baung, lampam, terbol dan lundu yang mana bangkainya boleh dilihat sejauh 15 kilometer (km) di sepanjang sungai terbabit.

Penduduk, Muhd Sufi

Sharifudin, 31, yang juga nelayan di sungai itu berkata kejadian kali ini menyaksikan paling banyak ikan ditemui mati sejak dia menetap di kawasan itu kira-kira lima tahun lalu.

“Akhir bulan lalu, hampir satu tan ikan ditemukan mati dan ketika itu, saya bersama Jabatan Perikanan melakukan tinjauan di sungai bagi mengenal pasti puncanya.

“Kejadian pada 18 September lalu adalah terbesar kerana lebih banyak ikan ditemukan

mati sama ada bersaiz kecil mahupun besar,” katanya.

Mohd Sufi berkata, penduduk tidak menolak kemungkinan kejadian itu berpunca sisa najis daripada ladang ternakan ayam berhampiran, apabila air najis disalurkan ke dalam parit kemudiannya memasuki sungai berikutan hujan lebat sejak beberapa hari sebelum itu.

“Biasanya bulan hujan lebat air najis akan dibawa ke sungai. Ketika cuaca panas, ia tidak berlaku seperti ini kerana sisa najis tersangkut dalam parit.

“Perkara ini pernah diajukan kepada pihak berkuasa termasuk menjalankan tinjauan bersama pegawai penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya tindakan segera diambil.

“Sebelum ini ada kakitangan Jabatan Perikanan turut membuat pemeriksaan bagi mengenal pasti punca,” katanya.

Sementara itu, JAS melalui kenyataan memaklumkan pegawai penyiasat menyusuri sungai bermula dari Sungai Temehel ke arah hulu Sungai Bekok dan mendapati aduan itu berasas.

“Dengan bantuan orang awam, pasukan menemui satu alur air berwarna hitam

serta berbau busuk yang disyaki punca pencemaran Sungai Bekok.

“Hasil siasatan mendapati ia dari tapak penyimpanan najis ayam di sebuah ladang ternakan yang tidak dikawal selia dengan baik sehingga menyebabkan kacau ganggu awam dan mencemari air sungai.

“Surat pemakluman sudah dipanjangkan kepada agensi berkaitan bagi menangani isu ini. Aktiviti ternakan tidak dikuatkuasakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,” katanya.-[BULETINTV3](#)

Sungai Bekok Tercemar Najis Ternakan, Lebih Setan Ikan Mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	23 Sept



Antara ikan ditemukan mati disyaki akibat pelepasan najis ladang ternakan ayam di Sungai Bekok. FOTO Alias Abd Rani

Batu Pahat: Lebih setan ikan air tawar pelbagai spesis ditemukan mati di Sungai Bekok dekat Yong Peng di sini, didakwa berpunca daripada pelepasan sisa najis dari ladang ternakan berhampiran.

Bangkai ikan terdiri daripada baung, lampam, terbol dan lundu itu dilihat terapung sejauh 15 kilometer di sepanjang sungai terbabit.

Nelayan sungai, Muhd Sufi Sharifudin, 31, berkata, kejadian kali ini adalah paling banyak ikan ditemui

mati sejak dia menetap di kawasan itu kira-kira lima tahun lalu.

"Pada akhir bulan lalu, hampir setan ikan ditemukan mati dan pada ketika itu, saya bersama Jabatan Perikanan melakukan tinjauan di sungai bagi mengenal pasti puncanya.

"Pada 18 September lalu adalah kes terbesar kerana lebih banyak ikan ditemukan mati sama ada yang bersaiz kecil mahupun besar.

"Saya terkejut bila turun ke

sungai dan melihat banyak ikan mati terapung. Ia boleh dilihat sepanjang 15 km menyusuri sungai terbabit.

"Kami tidak menolak kemungkinan ia berpunca sisa najis daripada ladang ternakan ayam berhampiran. Air najis disalurkan ke dalam parit kemudiannya memasuki sungai berikutan hujan lebat sejak beberapa hari sebelum itu.

"Biasanya bulan hujan lebat air najis akan dibawa ke sungai. Ketika cuaca panas, ia tidak berlaku seperti ini kerana sisa najis tersangkut dalam parit," katanya ketika ditemui.

Katanya, perkara itu pernah diajukan kepada pihak berkuasa termasuk menjalankan tinjauan bersama pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya tindakan segera diambil.

"Sebelum ini ada kakitangan Jabatan Perikanan turut serta membuat pemeriksaan bagi mengenal pasti puncanya," katanya.

Sementara itu, pegawai JAS Batu Pahat menjalankan siasatan aduan ikan mati di Sungai Bekok bagi mengenal pasti punca kejadiannya.

JAS dalam kenyataan memberitahu, pegawai penyiasat menyusuri sungai

bermula dari Sungai Temehel ke arah hulu Sungai Bekok dan mendapati aduan adalah berasas.

"Dengan bantuan orang awam, pasukan menemui satu alur air berwarna hitam serta berbau busuk yang disyaki punca pencemaran Sungai Bekok.

"Hasil siasatan mendapati ia dari tapak penyimpanan najis ayam di sebuah ladang ternakan yang tidak dikawal selia dengan baik sehingga menyebabkan kacau ganggu awam dan mencemari air sungai.

"Surat pemakluman sudah dipanjangkan kepada agensi yang berkaitan bagi menangani isu ini. Aktiviti ternakan tidak dikuat kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

Orang ramai adalah digalakkan menyalurkan aduan berkaitan pencemaran alam sekitar ke talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.- **MYMETRO**

Chicken Waste In Sungai Bekok Threatening Batu Pahat's Prized 'Udang Galah' Season

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
New Straits Times	Regional	Online	23 Sept



Dead fish floating in Sungai Bekok following the suspected chicken waste discharge. - Pix courtesy of Ling Tian Soon

BATU PAHAT: A poorly managed chicken waste site has been identified as the source of pollution in Sungai Bekok here, raising concern among fishermen as the district's prized freshwater prawn (udang galah) season looms ahead.

Johor Health and Environment Committee chairman Ling Tian Soon said officers from the state Environment Department (DOE) had traced the black effluent leaching into the river to a poultry farm waste site.

The discovery followed public complaints and reports of dead fish in the river, which flowed into Sungai Batu Pahat. Villagers warned that the pollution could threaten the prawn population and the upcoming season's catch.

"To obtain a clearer picture, drones were deployed to survey the drainage system nearby and water samples were collected for analysis," Ling told the New Straits Times today.

The DOE had since roped in the Yong Peng District

Council and Johor Veterinary Department for joint investigations under the Environmental Quality Act 1974.

Ling warned that the state government would not compromise on enforcement.

"Pollution cannot be taken lightly as it affects both the environment and public wellbeing. Stern action will be taken against those responsible," he said.

He urged the public to report environmental offences via DOE's hotline at 1-800-88-2727, email aduan_k@doe.gov.my, or online at <https://eaduan.doe.gov.my>.

[NST](#)

Pembersihan Sistem Saliran Tak Ikut Standard Punca Ikan Mati - MDYP

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	23 Sept



PENGUAT KUASA MDYP menjalankan pemantauan terhadap kilang susulan laporan pelepasan tinja (sisa buangan) ayam ke dalam parit yang menyebabkan gangguan anak sungai. FOTO Ihsan MDYP

Batu Pahat: Kerja pembersihan sistem saliran tidak mengikut standard ditetapkan menjadi punca pencemaran anak sungai hingga menyebabkan banyak ikan mati di Sungai Bekok.

Penemuan itu dibuat Bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) yang menjalankan pemantauan terhadap sebuah kilang memproses najis ayam susulan laporan pelepasan najis ayam ke dalam parit yang menyebabkan gangguan

anak sungai.

MDYP dalam kenyataan berkata, sebelum ini pihak sudah mengeluarkan arahan supaya sisa najis ayam tidak dilepaskan ke dalam sungai yang menjadi punca pencemaran.

"Walaupun tindakan itu diambil pihak syarikat tetapi masih tidak mengikut standard pembinaan kolam takungan supaya sisa tidak lepas ke dalam sungai.

"Sebanyak tujuh kali

pemantauan dijalankan sejak 11 hingga 17 September di dua lokasi iaitu Jalan Labis-Yong Peng, Kampung Ngamarto dan Batu 18, Mukim Chaah Baru.

"Pemantauan berkala dilakukan pada pagi dan petang ketika kilang memproses dan menjual baja itu tidak beroperasi.

"Pemilik premis juga patuh notis dikeluarkan pada 8 September 2025 untuk menghentikan perniagaan serta merta," katanya kenyataan itu.

Sebelum ini, penduduk mendakwa, lebih setan bangkai ikan ditemukan terapung di Sungai Bekok berpunca sisa najis dari ladang ternakan ayam yang memasuki sungai itu.

Pada masa masa, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesahkan menemui alur air berwarna hitam serta berbau busuk yang disyaki punca pencemaran Sungai Bekok.

Ia berpunca daripada tapak penyimpanan najis ayam di sebuah ladang ternakan yang tidak dikawal selia dengan baik sehingga menyebabkan kacau ganggu awam dan mencemari air sungai.-

MYMETRO

Penyimpanan Tahi Ayam Punca Pencemaran Sungai Bekok

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Artikel	Online	23 Sept



Pencemaran yang berlaku di Sungai Bekok. Foto Facebook JAS

BATU PAHAT – Insiden ikan mati di Sungai Bekok, Yong Peng di sini dipercayai berpunca daripada aliran air hitam berbau busuk yang datang daripada tapak penyimpanan tahi ayam di sebuah ladang ternakan.

Menurut kenyataan Jabatan Alam Sekitar, siasatan dijalankan oleh pasukan penguat kuasa Cawangan Batu Pahat pada Isnin setelah menerima aduan orang awam.

"Pemeriksaan menyusuri aliran Sungai Temehel ke arah hulu Sungai Bekok

mendapati terdapat alur air berwarna hitam yang disyaki menjadi punca pencemaran.

"Penyimpanan tahi ayam di tapak ternakan itu tidak dikawal selia dengan baik hingga menyebabkan kacau ganggu awam serta mencemari air sungai," katanya dalam kenyataan di Facebook JAS pada Selasa.

Surat pemakluman juga telah dipanjangkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut kerana aktiviti ternakan tidak dikuatkuasakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling

1974.

Pada Isnin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor mengambil maklum aduan berhubung pencemaran di Sungai Bekok dan telah menjalankan siasatan di lokasi terbabit.

Exco Alam Sekitar dan Kesihatan negeri, Ling Tian Soon berkata, pegawai dari JAS Batu Pahat telah berjumpa dengan pengadu sebelum dibawa ke lokasi kejadian untuk membuat pemeriksaan.

Menurut kenyataan itu, JAS juga telah meminta Majlis Daerah Yong Peng dan Jabatan Veterinar Johor di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menjalankan siasatan bersama.-

[SINARHARIAN](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR